

**REMBAH KAYU BESAR**  
Large Woodshrike

FAMILI: Campephagidae  
NAMA SAINTIFIK: *Teprodornis gularis*



**CIRI-CIRI**

Spesies ini terbahagi kepada beberapa sub-spesies iaitu *T.g jugans*, *T.g.fretensis*, dan *T.g.annectens*. Bagi sub-spesies *annectens* (selatan Tenasserim, selatan Thailand dan utara hingga barat Semenanjung Malaysia), ia mempunyai bulu yang berwarna kelabu pudar manakala bahagian atas badan tidak banyak perbezaan. Sub-spesies *fretensis* pula (selatan hingga timur selatan Thailand, Semenanjung Malaysia) pula mempunyai saiz yang lebih kecil di mana bahagian atas kepala, bahagian atas belakang badan dan pangkal sayap berwarna biru pudar. Panjang keseluruhan individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 18.5-22.5 sm.

**MAKANAN**

Serangga kecil.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokarp, kawasan pinggir hutan, hutan sekunder dan adakalanya di kawasan hutan paya bakau dan kawasan pertanian, pada ketinggian sehingga ke 1,500 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi *pi-pi-pi-pi-pi-pi* yang kuat. Bunyi yang dikeluarkan termasuklah bunyi *chreek chreek chreek* yang kasar.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga Mei pada sepanjang tahun di mana sarang dibina di atas dahan pokok berbentuk seperti cawan pada ketinggian di antara 3-9 m dari aras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 2-4 biji, berwarna hijau ke warna kuning pucat serta terdapat titik-titik berwarna coklat dan kelabu. Telur ini berukuran kira-kira (22 X 17.6) mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelindungi.